



KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
(Ministry of Finance Malaysia)
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN,
NO. 5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62592 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8882 3000
Cable : TREASURY, KL
Telex : FEDTRY MA 32369
Fax : 03-8882 4352
Web : <http://www.treasury.gov.my>

Ruj. Kami : S/K.KEW/PK/MOF/ePS/33/6 (20)

Tarikh : 31 Mac 2015

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST) KE ATAS PEROLEHAN KERAJAAN MELALUI SISTEM ePEROLEHAN

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [Akta 762] akan berkuat kuasa mulai 1 April 2015. Selaras dengan dasar semasa Kerajaan, Sistem ePerolehan telah dibuat penambahbaikan bagi memenuhi keperluan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (**GST**) untuk diguna pakai oleh semua Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dalam melaksanakan perolehan bekalan dan perkhidmatan.

3. Sehubungan itu, bersama-sama ini disertakan Garis Panduan Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (**GST**) ke atas Perolehan Kerajaan melalui Sistem ePerolehan seperti di **Lampiran A** sebagai rujukan kepada semua Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 1/2013 Perkara (xiv) - Dasar Kenaan **GST** Dalam Perolehan Kerajaan. Garis panduan ini boleh diguna pakai mulai 1 April 2015.

4. Pegawai Pengawal bertanggungjawab untuk memastikan Pusat Tanggung Jawab (PTJ) di bawah seliaan masing-masing mematuhi tatacara pelaksanaan **GST** yang ditetapkan di dalam garis panduan ini dalam melaksanakan perolehan Kerajaan melalui Sistem ePerolehan.

5. Perhatian YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(DATUK MOHAMED BIN JUSOH)
Bahagian Perolehan Kerajaan
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

(Sila nyatakan rujukan Bahagian ini apabila berhubung)

**GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST) KE ATAS
PEROLEHAN KERAJAAN MELALUI SISTEM ePEROLEHAN**

1.0 LATAR BELAKANG

Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (**GST**) di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 (Akta 762) mula berkuat kuasa pada 1 April 2015. Selaras dengan dasar semasa Kerajaan, Sistem ePerolehan (**eP**) ditambah baik bagi memenuhi keperluan pelaksanaan **GST** untuk diguna pakai oleh semua Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dalam melaksanakan perolehan bekalan dan perkhidmatan.

2.0 DASAR PEROLEHAN KERAJAAN DALAM PELAKSANAAN GST

2.1 Kenaan GST dalam Perolehan Kerajaan

2.1.1 Pelaksanaan **GST** melalui Sistem **eP** adalah selaras dengan dasar kenaan **GST** yang telah ditetapkan bagi perolehan Kerajaan seperti berikut:

- a) Semua perolehan perkhidmatan akan dikenakan **GST** oleh pembekal yang berdaftar **GST**; dan
- b) Bagi bekalan, hanya pembekalan kereta yang diimport dan petroleum (RON 97) sahaja dikenakan **GST**. Perolehan pembekalan barang lain adalah diberi pelepasan daripada kenaan **GST**. Pelepasan daripada kenaan **GST** hendaklah dibuat melalui pengeluaran *Certificate of GST Relief (CoGSTR)* oleh Ketua Jabatan atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Ketua Jabatan seperti mana yang diperuntukkan di dalam Borang KEW GST 1.

2.1.2 Pusat Tanggungjawab (**PTJ**) hendaklah memastikan pembekal yang berdaftar **GST** sahaja boleh mengenakan **GST** ke atas bekalan/perkhidmatan yang ditawarkan dalam perolehan Kerajaan. Mana-mana pembekal yang telah berdaftar **GST** dengan **JKDM** hendaklah **eP enabled** dan menggunakan Sistem **eP** dalam melaksanakan perolehan Kerajaan.

2.1.3 **PTJ** juga hendaklah mengenalpasti jenis perolehan (bekalan/perkhidmatan) dan kawasan pembekalan (Malaysia/Kawasan Ditetapkan) dalam menentukan sama ada perolehan yang dibuat dikenakan **GST** atau sebaliknya.

2.2 Perancangan Perolehan dan Penentuan Kaedah Perolehan

PTJ hendaklah mengambil kira kenaaan **GST** dalam perancangan perolehan dan penyediaan peruntukan. Namun, untuk menentukan kaedah perolehan, **PTJ** hendaklah menggunakan harga anggaran jabatan tanpa kenaaan **GST**.

2.3 Tawaran Pembekal

2.3.1 Semua tawaran harga (pembelian terus, sebut harga, tender dan eBidding) pembekal hendaklah dikemukakan tanpa kenaaan **GST**.

2.3.2 Mana-mana pembekal yang ditawarkan kontrak perolehan yang bernilai melebihi RM500 ribu dalam tempoh 12 bulan hendaklah berdaftar **GST** dengan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (**JKDM**) (sekiranya pembekal tersebut belum berdaftar **GST**).

2.3.3 Sekiranya pembekal yang berjaya adalah berdaftar **GST** dengan **JKDM**, **PTJ** hendaklah memasukkan kenaaan **GST** ke atas harga tawaran di dalam Surat Setuju Terima (**SST**).

3.0 PELAKSANAAN GST DALAM SISTEM ePEROLEHAN

3.1 Modul Pendaftaran Pembekal

3.1.1 **PTJ** hendaklah memaklumkan kepada pembekal yang telah berdaftar **GST** untuk mengemaskini profil syarikat di Modul Pendaftaran Pembekal (*Supplier Registration-SR*) dengan mengunci masuk nombor pendaftaran **GST**.

3.1.2 Sekiranya nombor pendaftaran **GST** tidak dikemaskini oleh pembekal, perolehan yang dibuat tidak akan mengambil kira kenaaan **GST** walaupun pembekal telah berdaftar **GST** dengan **JKDM**.

3.2 Modul Pembelian Terus

PTJ hendaklah mengenal pasti status pendaftaran **GST** pembekal sebelum Permintaan/Pesanan Perkhidmatan dicipta.

3.2.1 Transaksi Pembekal Atas Talian (*Online*)

Bagi pembekal yang berdaftar **GST**, nombor pendaftaran **GST** yang telah dikemas kini dalam Modul Pendaftaran Pembekal akan dipaparkan secara automatik semasa membuat Permintaan/Pesanan Perkhidmatan.

a) Bekalan

Bagi pembekal yang berdaftar **GST, CoGSTR** atas talian akan dijana secara automatik bagi bekalan yang diberi pelepasan **GST** apabila pelulus meluluskan Permintaan dan boleh dicetak oleh pembekal.

b) Perkhidmatan

- i. Bagi pembekal yang berdaftar **GST, PTJ** perlu mengunci masuk harga tawaran dengan mengambil kira kenaikan **GST** sebanyak 6% semasa proses penciptaan Pesanan Perkhidmatan.
- ii. Sekiranya berlaku perubahan harga, **PTJ** perlu memastikan pembekal membuat perubahan harga di Nota Pelaksanaan Perkhidmatan dengan mengambil kira kenaikan **GST** sebanyak 6%.

c) Inbois Cukai (Tax Invoice)

Pembekal perlu mengunci masuk maklumat inbois sebelum menjana Inbois Cukai melalui Sistem **eP**. Sistem **eP** akan memaparkan secara automatik pecahan amaun **GST** di dalam Inbois Cukai.

3.2.2 Transaksi Pembekal Luar Talian (Offline)

Bagi pembekal yang berdaftar **GST, PTJ** perlu mengunci masuk nombor pendaftaran **GST** semasa membuat Permintaan/Pesanan Perkhidmatan.

a) Bekalan

- i. Bagi pembekal yang berdaftar **GST, CoGSTR** atas talian akan dijana secara automatik bagi bekalan yang diberi pelepasan **GST** apabila pelulus meluluskan Permintaan.
- ii. **PTJ** perlu mencetak **CoGSTR** dan Pesanan Kerajaan untuk diserahkan kepada pembekal.

b) Perkhidmatan

- i. Bagi pembekal yang berdaftar **GST, PTJ** perlu memasukkan harga dengan mengambil kira kenaikan **GST** sebanyak 6% bermula dari proses penciptaan Pesanan Perkhidmatan.

- ii. Sekiranya berlaku perubahan harga, **PTJ** perlu memastikan perubahan harga di Nota Pelaksanaan Perkhidmatan turut mengambil kira kenaikan **GST** sebanyak 6%.

c) Inbois Cukai (*Tax Invoice*)

PTJ perlu mengunci masuk maklumat inbois pembekal sebelum menjana Inbois Cukai melalui Sistem **eP**. Sistem **eP** akan memaparkan secara automatik pecahan amaun **GST** di dalam Inbois Cukai.

3.3 Sebut Harga/Tender/eBidding

3.3.1. PTJ perlu menyatakan dengan jelas perkara-perkara berikut di dalam dokumen Sebut Harga/Tender/eBidding:

- a) Pembekal hendaklah mengemukakan tawaran harga tanpa kenaikan **GST**;
- b) Pembekal perlu mengisytiharkan status pendaftaran **GST** dan mengemukakan nombor pendaftaran **GST** kepada **PTJ**; dan
- c) **PTJ** akan menambah kenaikan **GST** ke atas harga tawaran di dalam Surat Setuju Terima (**SST**) sekiranya pembekal berdaftar **GST**.

3.3.2. Sebelum **SST** dikeluarkan kepada pembekal yang berjaya, **PTJ** perlu menyemak status pendaftaran **GST** pembekal tersebut.

- a) **Pembekal berdaftar GST**
Nilai kontrak yang ditawarkan di dalam **SST** hendaklah mengambil kira kenaikan **GST** sebanyak 6% jika perolehan tersebut dikenakan **GST**.
- b) **Pembekal tidak berdaftar GST**
PTJ perlu mengeluarkan **SST** kepada pembekal yang berjaya berdasarkan nilai tawaran pembekal tanpa kenaikan **GST**.

3.4 Kontrak Kementerian

PTJ perlu mengambil tindakan seperti berikut sepanjang tempoh peralihan (1 April 2015 hingga 30 April 2015) bagi transaksi kontrak kementerian:

3.4.1 Kontrak sedia ada (SST ditandatangani sebelum 1 April 2015)

Transaksi boleh diteruskan dengan menggunakan Modul Kontrak Kementerian.

3.4.2 Kontrak baru (SST ditandatangani pada atau selepas 1 April 2015)

- a) Transaksi boleh diteruskan menggunakan Modul Pembelian Terus melalui kaedah perolehan secara *Ministry Contract Riding on Direct Purchase*.
- b) **PTJ** boleh memaklumkan kepada pembekal supaya merujuk kepada pihak Commerce Dot Com Sdn. Bhd. (CDCSB) jika terdapat sebarang tuntutan berkaitan lebih potongan fi perkhidmatan.

4.0 PIHAK YANG BOLEH DIHUBUNGI

Sebarang pertanyaan berkaitan pelaksanaan **GST** di dalam Sistem **eP** boleh dirujuk dengan menghubungi talian/emel seperti berikut:

No Talian : 03-7885 4010 (PTJ)
 03-7885 4011 (Pembekal)
Emel : bantuangst@commercedc.com.my